



**"ISTIMEWANYA LAILATUL QADR DAN MALAM RAYA".1**

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَأَذْكُرُ رَبَّكَ فِي نَفْسِكَ تَضَرُّعًا وَخِيفَةً وَدُونَ الْجَهْرِ مِنَ الْقَوْلِ بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ وَلَا تَكُن مِّنَ الْغَافِلِينَ ﴿٢٥﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿...﴾</p>	4
<p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah Sekalian,</b></p> <p>Marilah kita bersama-sama meningkat ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melipat gandakan amalan ketaatan dan menjauhi sebarang perbuatan maksiat dan sis-sia. Rebutlah peluang besar yang ditawarkan oleh Allah SWT kepada kita di hari-hari sepuluh terakhir Ramadhan yang berbaki ini mudah-mudahan kita dikurniakan kelebihan bertemu lailatulqadar pada tahun ini.</p>	5
<p>Pada hari yang penuh barakah ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk <b>"ISTIMEWANYA LAILATUL QADR DAN MALAM RAYA"</b>.</p> <p><b>Muslimin yang berbahagia,</b></p>	6



<p>Ramadhan al-Mubarak yang mengunjungi kita kini sudah hampir meninggalkan umat Islam beberapa hari lagi. Ada hati yang mula menangis. Tetamu yang mulia ini akan pergi dan pasti akan kembali lagi. Namun, adakah kita berkesempatan lagi untuk bertemu dengan bulan yang agung ini?</p> <p>Apa yang sudah berlalu, tidak dapat lagi kita ulangi. Apa yang mampu kita lakukan hanyalah berdoa, beristighfar dan berserah kepada Allah. Berdoa dan berserah agar segala yang telah kita lakukan di sepanjang Ramadhan lalu diterima oleh Allah SWT. Walaupun akan berakhirnya Ramadhan bukanlah penamat segala kebaikan dan limpahan rahmat Allah SWT. Sebaliknya, malam raya yang bakal tiba iaitu malam 1 Syawal adalah satu malam yang mempunyai keistimewaannya yang tersendiri.</p>	7
<p>Alangkah ruginya, jika sepanjang Ramadhan ini kita mampu bersungguh-sungguh melakukan amal ibadah dan segala kebajikan, tiba-tiba pada malam yang penuh barakah ini, kita dilekakan dengan kesibukan persiapan hari raya. Lebih teruk lagi sekiranya ia dicemari dengan dosa dan maksiat. Memang tidak salah kita bergembira mensyukuri nikmat kerana dapat menyempurnakan ibadah pada bulan Ramadhan tahun ini, tetapi kegembiraan kita janganlah sampai menyebabkan kita rugi daripada mendapat keuntungan yang amat besar.</p> <p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,</b></p>	8



<p>Sepanjang Bulan Ramadhan ini, selain malam Al-Qadr itu kita ditawarkan dengan malam 1 Syawal yang banyak Kelebihannya jika beribadah pada malam tersebut.</p> <p>Abu Hurairah Radhiallahu'anhu berkata, telah bersabda Rasulullah SAW yang bermaksud:</p> <p>"...Dan diampunkan bagi mereka (umat Muhammad SAW) pada terakhir Ramadhan." Lalu seseorang bertanya: "Wahai Rasulullah SAW adakah malam ini malam Lailatul qadar?" Jawab Rasulullah SAW: "Tidak! tetapi seorang pekerja akan diberikan upah setelah dia menyelesaikan pekerjaannya!"</p> <p style="text-align: right;">(Riwayat Ahmad)</p>	9
<p>Oleh sebab itu, malam hari raya itu hendaklah diisi dengan takbir, memperbanyakkan doa dan zikir tertentu. Nabi SAW menyarankan umatnya untuk menyambut hari raya dengan memperbanyakkan memuji kebesaran Allah SWT. Malah umat Islam sangat digalakkan untuk memahami dan menghayati setiap ungkapan takbir yang dilaungkan.</p>	10
<p>Ia sarat mengandungi makna keagungan dan keEsaan Allah, serta kebenaran janjiNya untuk memberi pertolongan kepada orang Mukmin. Bahkan ia juga mengingatkan kita tentang peristiwa perang Ahzab, di mana Allah telah memberikan kemenangan kepada umat Islam dengan memporak-perandakan barisan tentera Ahzab dengan kekuasaanNya.</p> <p>Bermula pada malam Eidul fitri sehingga solat sunat Eidul fitri, kita amatlah digalakkan melaungkan takbir raya. Sambutannya bermula menghidupkan malam raya dengan melakukan ibadah-ibadah solat, zikir dan laungan takbir bagi membesar dan mengagungkan Allah. Takbir raya juga menzahirkan rasa kemenangan dalam diri selepas sebulan berpuasa.</p>	11



<p>اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ</p> <p>Takbir kemenangan umat Islam ini mampu meningkatkan semangat dan iltizam untuk membuat yang lebih baik pada tahun berikutnya. Takbir boleh dilakukan secara berkumpulan samada dengan duduk atau berjalan. Takbir juga boleh dilakukan secara nyaring di rumah-rumah, masjid-masjid, pasar-pasar dan jalan-jalan raya iaitu semasa menuju ke masjid hinggalah bermulanya solat Eidul fitri. Bertakbir pada malam Hari Raya Eidul Fitri adalah sangat-sangat dituntut</p>	12
<p>berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 185 :</p> <p>....وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْتُكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾</p>	13
<p>".....Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadhan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur.."</p>	14
<p><b>Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah sekalian,</b></p> <p>Sebenarnya jika kita lihat pada hari ini, budaya bertakbir di malam raya semakin berkurangan, mungkin disebabkan kesibukan umat Islam membuat persiapan raya dan kesibukan di gerai-gerai jualan penghabisan stok malam raya. Mereka lebih mengutamakan persiapan berbentuk duniawi berbanding persiapan ukhrawi.</p>	15



<p>Tiada salahnya jika membuat persiapan tersebut, tetapi alangkah indahnya, jika malam-malam yang penuh keberkatan ini, dipenuhi dengan pengisian jiwa yang baru. Selain bertakbir, kita juga disunatkan menghidupkan malam raya dengan memperbanyakkan zikir, bacaan al-Quran, bertasbih dan beristighfar.</p>	16
<p>Hadis daripada Abu Umamah Al-Bahili Radhiallahu'anhun dikatakan bahawa Rasulullah SAW bersabda,</p> <p>مَنْ قَامَ لَيْلَتِي الْعِيدَيْنِ مُحْتَسِبًا لِلَّهِ لَمْ يَمُتْ قَلْبُهُ يَوْمَ تَمُوتُ الْقُلُوبُ</p>	17
<p>"Sesiapa yang menghidupkan (beribadah) dua malam raya dengan mengharap keredhaan Allah, nescaya tidak akan mati hatinya pada hari yang mati semua hati."</p> <p>(Riwayat Ibnu Majah)</p>	18
<p><b>Muslimin yang berbahagia,</b></p> <p>Pada pagi 1 Syawal itu pula, disunatkan beberapa amalan seperti mandi sunat Eidul Fitri termasuk juga wanita yang dalam keadaan haid, memakai pakaian paling elok dan terbaik beserta wangian dan sarapan pagi terlebih dahulu sebelum menghadiri solat Eidul Fitri.</p>	19
<p>Inilah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW seperti mana yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik Radhiallahu'anhun :</p> <p>كَأَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَغْدُو يَوْمَ الْفِطْرِ حَتَّى يَأْكَلَ تَمْرَاتٍ</p>	20



<p>“Adalah Rasulullah SAW tidak pergi solat Aidilfitri sehinggalah Baginda makan beberapa biji kurma”</p> <p>(Riwayat al-Bukhari)</p>	21
<p>Selesai menjamah sedikit makanan maka bersegeralah pergi menghadiri tempat solat lebih awal untuk menunaikan zakat fitrah, bertakbir, menunaikan solat sunat Eidul Fitri dan mendengar khutbah raya termasuk bagi wanita yang dalam keadaan haid. Selain itu juga, kita disunatkan pergi ke masjid dan baliknya melalui jalan yang berbeza.</p>	22
<p>“Abu Hurairah Radhiallahu’anhū menyatakan bahawa adalah Rasulullah SAW apabila keluar menunaikan solat Hari Raya. Baginda SAW melalui satu jalan dan kemudian pulang melalui jalan yang berbeza.”</p> <p>(Riwayat al-Tirmidzi)</p>	
<p>Hikmah melalui jalan berbeza adalah agar disaksikan oleh para Malaikat dan makhluk Allah yang lain disamping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di kalangan umat Islam. Semoga Syawal yang menyusuli pemergian Ramadhan dapat disambut dengan kegembiraan sejati. Sebagaimana gembira dan bersukarinya para malaikat atas kurniaan Allah yang melimpah ruah ke atas kita. Janganlah pula kegembiraan kita membuatkan kita alpa tentang betapa besar dan mulianya fadhilat malam raya dan betapa terbuka luasnya rahmat Allah tatkala kita berhimpun untuk solat Hari Raya.</p> <p><b>Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,</b></p>	



Mengakhiri khutbah kali ini, marilah kita mengambil pengajaran daripada perkara-perkara berikut. Mudah-mudahan dapat dijadikan panduan dalam mengakhiri hari-hari Ramadhan dan menyambut 1 Syawwal yang diberkati:

1. Umat Islam hendaklah mengakhiri hari-hari terakhir Ramadhan dengan memperbanyakkan lagi ibadah dan memburu pahala yang disediakan oleh Allah SAW.
2. Umat Islam hendaklah menyakini dan menginsafi bahawa malam 1 Syawwal adalah malam memuji, mengagung dan membesarkan Allah.
3. Umat Islam hendaklah menjauhi amalan sia-sia dan menambah dosa terutama sekali pada malam-malam akhir Ramadhan dan malam 1 Syawwal, bahkan sehingga ke akhir hayatnya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
قَدْ أَفْلَحَ مَنْ تَزَكَّى ﴿١٤﴾ وَذَكَرَ اسْمَ رَبِّهِ فَصَلَّى ﴿١٥﴾

“Sesungguhnya berjayalah orang yang setelah menerima peringatan itu berusaha membersihkan dirinya (dengan taat dan amal yang soleh), Dan menyebut-nyebut dengan lidah dan hatinya akan nama Tuhannya serta mangerjakan sembahyang (dengan khusyuk).”

(Surah al-A'la : 14-15)



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	23
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.	24



## KHUTBAH KEDUA

1	أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ
5	Marilah kita sama-sama mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat kepada Allah SWT. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita senantiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak covid 19. Semoga ianya dapat dibanteras dengan berkesan dan diakhiri segera.
6	Yakinlah di sebalik setiap kegelapan itu, pasti ada cahaya yang akan menerangi kehidupan. Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mengambil vaksin dengan mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera dan Selangkah serta lain-lain cara yang membolehkan kita mendapat suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.
7	Malah kita tidak perlu gusar dan ragu-ragu lagi apabila menerima suntikan tersebut ketika berpuasa di bulan Ramadhan. Ianya telah diperhalusi dan diperbincangkan untuk menetapkan hukum keharusannya melalui Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) kali ke 118 yang bersidang pada 16 hingga 17 Februari 2021 dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang telah bersidang pada 9 Mac 2021.



<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi Prosedur Operasi Standart (SOP) dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak penyakit Covid 19 demi keselamatan diri serta masyarakat.</p>	8
<p>قَالَ اللهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾</p>	9
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	10
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	11
<p>اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	12
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعِيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،</p>	13
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَغُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.</p>	14
<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهُدَايَةَ وَالنُّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَغُورِ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ</p>	15



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	16
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	17
<p>Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hambaMu yang sentiasa meninggikan kalimah dan AgamaMu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina AgamaMu</p>	
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	18
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	19
	20



<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	21
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ ۖ إِنَّ نِعْمَهُ يُزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	22